

D.R. 6/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendidikan (Pindaan) 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru";
- (b) dengan menggantikan perkataan "maktab pendidikan guru" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "institut pendidikan guru";

- (c) dengan menggantikan perkataan "Pendaftar Sekolah dan Guru" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru";
- (d) dengan menggantikan perkataan "Penolong Pendaftar Sekolah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan"; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan "Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru".

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas takrif "institusi pendidikan" takrif yang berikut:
 - ' "institusi pendidikan guru" ertinya institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan guru yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah perguruan atau yang setaraf dengannya, atau apa-apa kelayakan lain yang ditetapkan;';
- (b) dalam takrif "Ketua Pendaftar", dengan menggantikan perkataan "Sekolah" dengan perkataan "Institusi Pendidikan";
- (c) dalam takrif "pendidikan khas", dengan menggantikan perkataan "menyediakan keperluan pendidikan khas murid" dengan perkataan "disediakan kepada murid berkeperluan khas"; dan
- (d) dalam takrif "Penolong Pendaftar", dengan menggantikan perkataan "Sekolah" dengan perkataan "Institusi Pendidikan".

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "bilangan" perkataan "Timbalan Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru,";

- (b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan "Timbalan Ketua Pendaftar, Pendaftar," perkataan "Timbalan Pendaftar"; dan
- (c) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar atau Penolong Pendaftar" dengan perkataan "Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar".

Seksyen baru 9A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

"Perubahan nama

9A. (1) Segala sebutan mengenai "Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru", "Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru", "Pendaftar Sekolah dan Guru" dan "Penolong Pendaftar Sekolah dan Guru" dalam mana-mana surat cara, dokumen, perjanjian atau perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, ditafsirkan masing-masing sebagai sebutan mengenai "Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru", "Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru", "Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru" dan "Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru".

(2) Perubahan nama daripada "Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru", "Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru", "Pendaftar Sekolah dan Guru" dan "Penolong Pendaftar Sekolah dan Guru" masing-masing kepada "Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru", "Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru", "Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru" dan "Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru" tidaklah menyentuh apa-apa kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi "Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru", "Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru", "Pendaftar Sekolah dan Guru" dan "Penolong Pendaftar Sekolah dan Guru" atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap mereka."

Pindaan seksyen 22

6. Subseksyen 22(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "memaklumkan" dengan perkataan "mendapatkan kelulusan bertulis".

Pindaan seksyen 44

7. Seksyen 44 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "sijil" perkataan ", diploma, ijazah perguruan".

Pindaan seksyen 49

8. Seksyen 49 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan "atau diploma" dengan perkataan ", diploma, ijazah perguruan atau apa-apa kelayakan lain yang ditetapkan";
- (b) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan "dan kebangsaan" dengan perkataan ", kebangsaan dan antarabangsa"; dan
- (c) dalam perenggan (g), dengan memasukkan selepas perkataan "permohonan bagi" perkataan "penubuhan dan".

Pindaan seksyen 67

9. Subseksyen 67(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "sekolah rendah dan sekolah menengah" dengan perkataan "institusi pendidikan".

Pindaan seksyen 77

10. Subseksyen 77(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "institusi pendidikan swasta pun" perkataan "yang didaftarkan di bawah Akta ini".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pendidikan 1996 ("Akta 550").

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda Akta 550 untuk menggantikan perkataan tertentu iaitu "Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru" dengan "Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru", "maktab pendidikan guru" dengan "institusi pendidikan guru", "Pendaftar Sekolah dan Guru" dengan "Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru", "Penolong Pendaftar Sekolah" dengan "Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan" dan "Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru" dengan "Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru".
4. *Fasal 3* bertujuan meminda dan memasukkan ungkapan tertentu dalam seksyen 2 Akta 550, antara lain-
 - (a) berhubung dengan takrif "pendidikan khas", bagi memperjelas maksud perkataan "pendidikan khas"; dan
 - (b) kemasukan takrif "institusi pendidikan guru", selaras dengan kenaikan taraf maktab pendidikan guru kepada institusi pendidikan guru.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 550 untuk memasukkan perkataan "Timbalan Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru" dan "Timbalan Pendaftar" dan bagi menggantikan perkataan "Pendaftar atau Penolong Pendaftar" dengan perkataan "Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar".
6. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 9A ke dalam Akta 550 sebagai suatu pindaan berbangkit kepada perubahan nama bagi perjawatan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen baru 9A tersebut dan perubahan nama itu tidaklah menyentuh apa-apa kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi "Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru", "Timbalan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru", "Pendaftar Sekolah dan Guru" dan "Penolong Pendaftar Sekolah dan Guru" atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap mereka.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 22(3) Akta 550 bagi membolehkan Ketua Pendaftar mengawal apa-apa kurikulum tambahan yang dilaksanakan di tadika supaya selaras dengan sistem pendidikan kebangsaan dan sesuai dengan tahap pendidikan di tadika.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 550 bagi membolehkan institusi pendidikan guru menganugerahkan diploma dan ijazah perguruan selaras dengan kenaikan taraf maktab pendidikan guru kepada institusi pendidikan guru.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 49 Akta 550 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berhubung dengan penganugerahan ijazah perguruan, penubuhan dan pengurusan jawatankuasa bagi kegiatan luar kurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan tatacara bagi penubuhan institusi pendidikan guru.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 67(1) Akta 550 untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan cara murid dinilai dan taraf yang hendaklah dicapai oleh mereka pada semua peringkat pendidikan di bawah bidang kuasanya.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 77(1) Akta 550 bagi memperjelas bahawa institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah Akta ini tidak boleh mengendalikan apa-apa kursus pengajian atau program latihan dengan institusi pendidikan tinggi lain tanpa kelulusan bertulis Menteri.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U³)2473]